

KAJIAN TINDAKAN PENGGERAK PENGURUSAN DAN KEPIMPINAN PENDIDIKAN YANG INOVATIF

Abdullah Mat Rashid, Ph.D

Universiti Putra Malaysia

abdullah@educ.upm.edu.my

ABSTRAK

Guru adalah jambatan dan agen perubahan untuk memastikan Malaysia terus dapat bersaing dengan negara-negara lain dalam alaf ekonomi berasaskan inovasi. Persaingan ini memerlukan Malaysia secara berkala mengukur penanda aras pencapaian inovasi, kebolehan, dan keupayaan dengan negara-negara lain. Negara juga perlu membandingkan perkembangan pencapaian sebenar dengan negara-negara saingan. UNESCO dan pelbagai organisasi antarabangsa menyarankan keperluan inovasi dan penambahbaikan kualiti dalam perguruan bagi menangani cabaran masyarakat pada alaf ini dan mendatang. Pengurusan dan kepimpinan pendidikan yang inovatif akan dapat menangani permintaan baharu, struktur, dan sistem yang mengkehendaki kemahiran dan pengetahuan baharu dengan baik. Anjakan paradigma dalam amalan pengajaran dan pembelajaran seperti pembelajaran melalui projek dan masalah, inkuiri dan reka bentuk, penerokaan dan reka cipta, kreativiti dan kepelbagaian, tindakan dan refleksi mungkin lebih padan dengan alaf ini. Paradigma yang paling utama ialah perubahan dan pengajaran berpusatkan guru kepada pengajaran berpusatkan murid. Perubahan ini menekankan pengajaran kepada pembelajaran yang dapat menghasilkan persekitaran interaktif dan peranan yang berbeza kepada guru dan murid. Peranan baharu ini menuntut perubahan pemikiran dan pemahaman proses pengajaran dan pembelajaran yang berbeza dalam kalangan guru. Kajian tindakan merupakan suatu alat yang boleh digunakan untuk melakukan perubahan dan penambahbaikan pada tahap tempatan (Cohen et al., 2003). Kajian tindakan dapat membantu guru untuk menyiasat dan menambahbaik amalan dan tindakan mereka (Hendricks, 2009). Pengurusan dan kepimpinan pendidikan yang menggalakkan setiap guru mengkaji masalah dan isu yang dihadapi dalam pengajaran mereka melalui kajian tindakan adalah selari dengan arah aliran guru di negara-negara maju.

PENGENALAN

Perubahan ekonomi daripada ekonomi berasaskan sumber kepada ekonomi berasaskan inovasi bermula pada akhir tahun 1990an. Ekonomi berasaskan inovasi dijangka berterusan sehingga melebihi tahun 2057 (Pricewaterhouse Coopers, 2007). Inovasi merupakan penyumbang utama kepada ekonomi negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Britain, dan Jepun. Pulangan lumayan kepada ekonomi negara berasaskan inovasi adalah

mengharapkan guru menggunakan lebih banyak alat bantu mengajar seperti aplikasi multimedia dan sebagainya (Mat Rashid & Gloeckner, 2008).

Guru perlu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tentang kandungan mata pelajaran dan pedagogi. Guru perlu menjadi pakar dalam kandungan subjek yang diajar melalui pendekatan pedagogi yang baik. Penggunaan alat bantu mengajar yang terkini juga perlu dikuasai oleh guru untuk menjadi fasilitator yang berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Guru perlu memiliki kemahiran logistik, pengurusan, organisasi dan kerjasama untuk menjadi lebih kreatif dan fleksibel. Ia membantu perkembangan profesional guru.

2.0 KEPIMPINAN PENYELIA

Saya menggunakan istilah penyelia kerana saya percaya ia lebih tepat daripada istilah pengetua atau pentadbir dalam kertas kerja ini. Penyelia adalah seseorang yang diberi tanggungjawab untuk menambahbaik pengajaran di dalam kelas dan persekitarannya. Penyelia di sekolah biasanya terdiri daripada Pengetua, Penolong Kanan, Ketua Bidang, Ketua Panitia dan Guru Kanan. Penyelia mempunyai tanggungjawab untuk menyelia. Penyeliaan mesti dilihat sebagai suatu proses dan fungsi, bukan sebagai jawatan atau individu untuk menambahbaik proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di sekolah. Setiap penyelia merupakan seorang ketua. Fullan (2001) mengatakan seorang ketua bukanlah orang yang mengetuai untuk menyelesaikan masalah yang sudah diketahui jalan penyelesaiannya tetapi seorang yang membantu mengatasi masalah yang belum dapat diselesaikan. Beliau menggambarkan kerangka kepimpinan dalam bentuk kepingan pie atau doh pizza. Terdapat lima komponen dalam bahagian yang berhubungan secara tidak lurus iaitu tujuan moral, memahami perubahan, membina hubungan, mencipta dan berkongsi pengetahuan, dan mempunyai ketelusan. Ia dikelilingi ciri-ciri peribadi seorang ketua di bahagian luar iaitu tenaga, entusiastik, dan harapan. Tujuan utama kepimpinan adalah untuk memastikan lebih banyak perkara baik berlaku dan mengurangkan perkara tidak baik (Fullan, 2001).

Penyelia mesti memastikan keupayaan sekolah yang ada digunakan sebaik-baiknya untuk kecemerlangan sekolah. Keupayaan sekolah merujuk kepada pengetahuan dan kemahiran guru, komuniti profesional, ketelusan program, sumber teknikal, dan kepimpinan pengetua (Newmann, King, & Young, 2000). Penyelia melalui proses penyeliaan yang berjaya akan menambah nilai kemahiran guru, keyakinan diri, dan akhirnya kepada kecemerlangan sekolah. Sekolah yang cemerlang melahirkan murid yang berjaya dalam akademik, kreatif, penglibatan masyarakat, dan kerjasama sosial.

3.0 KENAL PASTI MASALAH

Masalah atau isu dalam organisasi pendidikan dapat dikenal pasti melalui pelbagai pendekatan. Craig (2007) mencadangkan melalui : a) aktiviti sumber manusia, b) bidang tugas, dan c) struktur hieraki. Kayu pengukur bagi kecemerlangan dan kualiti dalam organisasi pendidikan boleh dilihat secara kasarnya melalui pelajar yang dihasilkan dan sumber manusia dalam organisasi. Organisasi pendidikan dianggap berjaya sekiranya dapat mendidik murid-murid menjadi warga yang menyumbang kepada negara dan juga pekerja dalam organisasi tersebut sentiasa produktif dan bekerja dalam suasana harmoni – menjadikan murid berbeza sebelum memasuki persekolahan, menjadi lebih baik: lebih berpengetahuan, sensitif, bijaksana, berpengetahuan, fleksibel, kreatif, dan ke arah menjadi insan kamil.

Kepentingan kajian pendidikan antaranya adalah: a) menggalakkan perubahan yang baik di sekolah, b) membolehkan guru bekerjasama dalam menyelesaikan masalah melalui bukti empirikal, dan c) memberi peluang untuk guru menilai semula amalan dalam pengajaran dan tugasnya. Kajian tindakan juga dapat memberi ruang dan peluang kerjasama antara sekolah dalam suatu daerah setempat.

Mills (2000) mengelaskan kajian tindakan kepada dua jenis iaitu kajian tindakan praktikal dan kajian tindakan penyertaan. Kajian tindakan praktikal ialah melaksanakan kajian dengan tujuan untuk menambahbaik suatu situasi atau masalah yang telah dikenal pasti. Tujuan kajian tindakan penyertaan adalah menambahbaik kualiti organisasi, komuniti, dan kehidupan keluarga. Ia juga dikenali sebagai kajian tindakan kerjasama atau kajian tindakan kritikal atau inkuiri berasaskan komuniti. Kajian tindakan merupakan proses yang sistematik dan dinamik dan mengembangkan potensi diri dan kemajuan profesional.

Kajian tindakan praktikal memfokus kepada kajian pembangunan guru dan pembelajaran murid seperti guru ingin mengenal pasti masalah di dalam kelasnya bertujuan untuk menambahbaik pembelajaran pelajar. Ia boleh dijalankan secara perseorangan atau di dalam kumpulan kecil. Contoh kajian tindakan praktikal adalah seorang guru ingin mengenal pasti sebab beberapa pelajar berkelakuan nakal dalam kelasnya atau guru ingin mengkaji keberkesanan penggunaan peta minda dalam satu topik pengajarannya.

Kajian tindakan penyertaan memfokus kepada penambahbaikan perubahan dalam organisasi atau kehidupan. Ia mengkaji halangan atau isu sosial yang menjadi penghalang kepada penambahbaikan yang akan atau telah dilaksanakan dalam komuniti sekolah dan persekitarannya. Ia melibatkan ramai *stakeholders* dalam proses penambahbaikan amalan pendidikan.

Walaupun terdapat dua jenis kajian tindakan yang jelas perbezaannya namun keduanya juga mempunyai ciri-ciri yang sama iaitu (Creswell, 2004) : a) fokus kepada isu praktikal, b) kajian dilaksanakan terhadap amalan sendiri, c) kerjasama antara penyelidik dan responden, d) proses yang dinamik melalui kitaran yang sama, e) pembinaan rancangan tindakan sebagai maklum balas kepada masalah, dan f) perkongsian laporan dapatan dengan sekolah berhampiran atau dalam daerah yang sama.

5.0 LANGKAH DALAM MENJALANKAN KAJIAN TINDAKAN

Proses kajian tindakan merupakan proses berulang yang dibangunkan oleh Kurt Lewin. Ia mengandungi empat langkah iaitu perancangan, tindakan, pemerhatian, dan penilaian (Cohen et al., 2000). Kemmis dan McTaggart (1988) pula menyarankan tiga langkah dalam kajian tindakan iaitu perancangan, tindakan, dan penilaian. Namun, proses kajian tindakan adalah dinamik iaitu bukanlah mesti mengikut langkah yang dinyatakan. Langkah berikut hanyalah sebagai panduan dalam melaksanakan kajian tindakan.

Creswell (2004) mencadangkan lapan langkah berdasarkan proses yang dinyatakan. Langkah-langkahnya adalah : 1) kenal pasti adakah kajian tindakan merupakan reka bentuk paling baik digunakan dalam menyelesaikan masalah, 2) kenal pasti masalah kajian, 3) sumber sedia ada untuk membantu menyelesaikan masalah, 4) kenal pasti maklumat yang diperlukan, 5) pengumpulan data, 6) analisis data, 7) buat pelan untuk bertindak, dan 8)



6.0 KESIMPULAN

Kajian tindakan dalam pendidikan merupakan satu sistem inkuiri yang boleh digunakan oleh guru, pentadbir sekolah, atau pegawai di jabatan pendidikan untuk merubah dan menambahbaik peribadi, proses pengajaran dan pembelajaran, dan persekitaran sekolah atau komuniti.

Kajian tindakan dapat membantu pengetua untuk meningkatkan suasana sekolah yang ceria, perkembangan profesional, hubungan dengan komuniti luar, kerjasama dengan ibu bapa, aktiviti ko kurikulum, pencapaian pelajar, kedatangan, dan disiplin. Kelebihan kajian tindakan kepada guru antaranya membolehkan mereka mengkaji isu atau masalah berkaitan pencapaian murid, pengurusan kelas, murid dengan keperluan khusus seperti murid pintar atau murid yang gagal mengusai 3M, dan motivasi. Kaunselor juga dapat mendapat manfaat kerana dapat menilai keberkesanan program kaunseling yang dilaksanakan atau sebagai cara untuk membantu menasihati murid dengan lebih berkesan.